

Amalan ‘Pendinding’ Rumah bagi Masyarakat Melayu Brunei: Tinjauan dari Perspektif Akidah Islam

NOR RAFIDAH HJ MOKHTAR & MOHD NIZAM SAHAD

ABSTRAK

Amalan ‘pendinding’ rumah merupakan satu kearifan tempatan masyarakat Nusantara yang jarang diterokai. Namun secara tradisi lisan, kerap didengar pengalaman-pengalaman masyarakat Melayu mengenainya seperti pencuri yang tidak mampu keluar dari kawasan rumah akibat ada ‘pendinding’, sihir atau buatan orang yang tidak dapat tembus kepada penghuni rumah, amalan memagar rumah dan sebagainya. Hal-hal mistik sebegini bagi sesetengah pihak dianggap sebagai sesuatu yang mengarut atau khurafat dalam era kemodenan ini. Bagi sesetengah pihak yang lain pula, mereka terlalu taasub dengan amalan dan penggunaannya bagi tujuan keselamatan daripada pencuri dan kejahatan makhluk halus. Ajaran Islam pula mempunyai pandangan tersendiri terhadap amalan ‘pendinding’ ini. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji fenomena amalan ‘pendinding’ dengan memberi fokus amalannya dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei. Di samping itu juga, pandangan akidah Islam terhadapnya akan dikupas bagi melihat sama ada amalan tersebut wajar dikekalkan atau ditinggalkan. Metodologi kajian yang digunakan melibatkan gabungan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan turut melibatkan temu bual dengan informan yang mempraktikkan amalan ‘pendinding’ dalam kehidupan harian mereka. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa ada elemen-elemen yang bercanggah dengan akidah Islam dalam amalan ‘pendinding’ tersebut kerana melibat perdampingan dengan makhluk halus, juga keimbangan dari sudut keyakinan dan pemikiran akan membawa ke arah mensyirikkan Allah s.w.t.

Kata kunci: pendinding, Melayu Brunei, mistik, makhluk halus, khurafat

ABSTRACT

‘Home-shielding’, a common practice of the local archipelago is rarely explored. Often being heard in the Malay community experiences about thieves who cannot escape from the robbed houses, since there is a ‘shield’; a man-made magic that is stopping them and etcetera. Nowadays, this practice is regarded as silly or superstitious by some of the Malays but there are some who are obsessed with it. It is still being used for taking safety measures against evil man and spirits. This article aims to study the home-shielding practice especially in the Brunei Malay society. In addition, the study will explore within the Islamic faith to see whether the practice should be retained or abandoned. The methodology used is a combination of literature reviews and field studies. Interviews with informants who observe this practice of ‘fencing or firewall’ in their daily lives are included. The findings revealed that there are existence of elements which are against the Islamic beliefs as the ‘home-shielding’ practice involves contiguity with spirits. Thus, could lead a Muslim astray from the Islamic teachings.

Key words: shielding, Brunei Malay, mysticism, spirits, superstitions

PENDAHULUAN

Agama Islam amat menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan akidah, syariah, dan akhlak. Menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, segala amalan dan kepercayaan yang tidak berlandaskan sumber-sumber asal iaitu al-Quran, Hadis, Ijmak’, dan Qiyas adalah ditolak oleh Islam. Oleh itu, amalan seperti penggunaan azimat atau tangkal sebagai penjaga diri, penjaga rumah, penunduk musuh, penarik rezeki, pelaris kedai, ilmu pengasih, dan sebagainya yang bercampur aduk dengan sihir juga dianggap menyeleweng daripada ajaran agama

Islam. Amalan-amalan seperti ini di label syirik dan menyesatkan. Manakala perbuatan menggunakan azimat atau tangkal yang mengandungi rajah-rajah atau tulisan-tulisan yang tidak difahami seperti objek-objek tertentu yang kemudian dicampur aduk dengan ayat-ayat al-Quran adalah haram. Begitu juga dengan amalan yang sering dilakukan oleh sesetengah individu dalam masyarakat Melayu seperti amalan ‘pendinding’ dan perbuatan memohon pertolongan daripada objek yang telah dipuja atau dijampi dengan bacaan tertentu oleh dukun atau bomoh. Amalan ‘pendinding’ ini turut terdapat di Negara Brunei Darussalam, khususnya di kalangan

masyarakat Melayu. Antara ‘pendinding’ yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu Brunei adalah ‘pendinding’ bagi menjaga atau ‘memagar’ rumah. Berdasarkan pemerhatian, majoriti masyarakat Melayu Brunei yang masih mengamalkan ‘pendinding’ rumah adalah terdiri daripada golongan tua, iaitu dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian telah dilakukan dengan melawat ke dua buah rumah yang dipercayai menggunakan ‘pendinding’ dan seterusnya menemu bual pemilik rumah tersebut. Dua informan (dirahsiakan identiti mereka atas permintaan responden) yang ditemu bual bagi kajian ini menyatakan telah mengamalkan ‘pendinding’ rumah masing-masing selama lebih kurang 20 dan 30 tahun. Selain itu, kajian kepustakaan turut dilaksanakan dengan meminjam kaset audio dari Bahagian Penyelidikan, Pusat Sejarah Brunei dan seterusnya meneliti data rakaman temu bual yang pernah dilakukan berkenaan dengan budaya masyarakat Melayu Kedayan di Brunei, iaitu amalan dan kepercayaan mereka dalam memelihara diri dan rumah. Perolehan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada amalan ‘pendinding’ rumah masih terdapat di Brunei dan apakah jenis ‘pendinding’ yang digunakan di samping melihat perspektif akidah Islam terhadap penggunaan pendinding tersebut. Selain itu, beberapa buah buku, kajian dan kertas kerja yang berkaitan dengan ajaran sesat serta penggunaan tangkal dan azimat turut diteliti bagi melengkapkan kajian ini. Hal ini akan dikupas dalam sub topik berikutnya.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang relevan dengan kajian yang ingin dilakukan ini. Sebagai contoh, penjelasan mengenai beberapa penyelewengan dari dasar-dasar akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah dibincangkan oleh Haji Suhaili bin Haji Mohiddin (1994). Selain turut menyentuh tentang amalan penggunaan tangkal di kalangan masyarakat di Brunei dengan lebih menjurus kepada tangkal dan azimat menjaga diri, beliau turut menyatakan beberapa langkah yang patut diambil untuk mengatasi dan membasmi amalan-amalan tersebut agar tidak membawa kepada syirik. Selain itu, turut dinyatakan mengenai penipuan yang jelas oleh sesetengah tukang azimat dengan memberikan syarat bahawa tangkal yang sudah dibungkus tidak boleh dibuka

kerana akan hilang kuasa dan mendatangkan bahaya kepada pemakainya. Perkara ini nyata bertentangan dengan ajaran Islam kerana mempercayai kuasa selain Allah s.w.t.

Selain itu juga, Mahmud Saedon dan Awang Norarfah (2002) pula pernah menjelaskan tentang ajaran sesat dan kawalan-kawalan penyelewengan akidah melalui undang-undang dan pentadbiran dengan menyatakan beberapa contoh kes amalan khurafat yang berlaku di Brunei. Ajaran sesat ini telah disebarluaskan melalui pelbagai bentuk iaitu dalam bentuk ajaran baru, tarekat atau tasyaaf, perbomohan, ilmu persilatan dan juga dalam bentuk amalan khurafat. Buku ini turut membincangkan mengenai penggunaan tangkal dan azimat yang sering dikaitkan dengan amalan perbomohan dan perdukunan.

Seterusnya Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib (2013) dalam kertas kerja sempena Seminar Kebangsaan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah menjelaskan ‘Sungguhpun aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bertapak kukuh di Negara Brunei Darussalam namun negara ini juga menghadapi ancaman dan penyelewengan aqidah. Anasir-anasir ini datang daripada pelbagai sudut antaranya ajaran sesat, amalan-amalan khurafat, ajaran dan kefahaman baru yang menyimpang (Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib 2013: 2). Antara yang dibincangkan dalam kertas kerja beliau adalah mengenai penyelewengan dan pemulihan akidah serta amalan khurafat yang berlaku di Brunei. Menurutnya,

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sejarah kepercayaan Dinamisme, Animisme dan Hinduisme, pengaruhnya masih kelihatan dalam kehidupan masyarakat Brunei. Perbomohan dan perdukunan yang menyeru kuasa-kuasa ghaib, mendakwa mempunyai kuasa luar biasa dan mengetahui perkara ghaib, menjadi jalan kepada penyelewengan aqidah.

Berdasarkan kes-kes yang disiasat oleh Bahagian Kawalan Aqidah, beberapa perbomohan dan perdukunan menjalankan upacara yang menyeleweng dan menyalahi ajaran Islam seperti memohon pertolongan daripada makhluk ghaib, menggunakan azimat, jampi dan mantera yang dicampur dengan ajaran Islam. Bomoh-bomoh tersebut mengaku mempunyai kuasa luar biasa yang boleh menyembuhkan penyakit dan menunaikan permintaan. Tidak kurang juga yang akhirnya menyebarkan fahaman dan ajaran yang menyalahi ajaran Islam (Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib 2013: 4).

Berkaitan dengan gambar para alim ulama yang menjadi ‘pendinding’ rumah, terdapat dua kajian yang spesifik mengenai seorang ulama yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu Brunei, iaitu Syarif Kedah. Nama sebenar Allahyarham ialah Tunku Syed Muhammad Ibni Tunku Syed Muhammad Sahabuddin (Low Kok On 2010). Malahan tradisi lisan mengenai keramat Tunku Syarif Kedah ini terdapat juga di Labuan. Dayang Yuli Ayatul Nugus (2012) menerangkan tentang kepentingan menggantung potret Syarif Kedah bagi masyarakat Melayu Brunei. Segelintir individu berasa yakin dengan keberkatan Syarif Kedah yang dipercayai merupakan seorang wali Allah dan mempunyai hubungan yang sangat hampir dengan Allah s.w.t. Oleh yang demikian, gambar Syarif Kedah dianggap sesuatu yang boleh membawa keberkatan kepada penyimpannya. Bahkan ada informan Dayang Yuli dengan yakin menyatakan rumah beliau tidak dijilat api semasa berlaku kebakaran di kawasan berhampiran kerana beliau menggantung gambar Syarif Kedah bagi mengambil berkat. Kepercayaan ini meskipun sudah terhakis sedikit demi sedikit namun tidak dinafikan masih ada golongan tua yang mengamalkannya.

Kesimpulannya, sorotan literatur yang dibuat telah memperlihatkan kaitan antara amalan ‘pendinding’ rumah dengan ajaran sesat dan penyelewengan akidah yang berlaku di Negara Brunei Darussalam selain dalam masa yang sama masih mempercayai tentang keramat para alim ulama. Terdapat sedikit kelainan kajian yang dilakukan ini dengan kajian-kajian lepas di mana kajian ini melakukan kajian lapangan dengan menganalisisnya dari perspektif akidah Islam. Penemuan pada kajian lapangan ini menyerlahkan keaslian kajian yang bersifat semasa dari sudut skop kajian.

SKOP KAJIAN

Dari sudut skop, kajian ini akan hanya membataskan perbincangan kepada amalan ‘pendinding’ rumah berdasarkan dapatan temu bual dan tinjauan ke dua buah rumah yang masih mengamalkannya di Brunei selain meneliti data perpustakaan yang diperoleh. Perbincangan juga akan menyentuh konsep ‘pendinding’ sebenar yang digalakkan dalam Islam.

KONSEP ‘PENDINDING’ BAGI MASYARAKAT MELAYU

Amalan ‘pendinding’ merupakan suatu fenomena yang sudah lama berlaku di kalangan masyarakat Melayu. Hal ini mungkin disebabkan oleh kepercayaan terhadap amalan tersebut yang sudah sebatи dalam diri mereka. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 353), ‘pendinding’ membawa maksud penutup, penyekat, penghalang, pelindung; doa untuk melindungi diri daripada mara bahaya. Pengertian ini selaras dengan kepercayaan masyarakat Melayu yang meyakini bahawa ‘pendinding’ merupakan penyekat sesuatu unsur jahat yang mampu melindungi diri mereka daripada kejahatan atau musibah. Walau bagaimanapun, ‘pendinding’ yang diamalkan selain daripada bacaan al-Quran seperti menggunakan azimat atau tangkal adalah termasuk dalam amalan berbentuk khurafat.

Pada kebiasaannya, ‘pendinding’ rumah terdiri daripada tangkal dan azimat yang telah dijambi oleh bomoh. Tangkal merupakan salah satu bentuk azimat untuk dipakai misalnya gelang tangan yang diperbuat daripada benang atau sejenis benda seperti ekor pari yang diletakkan di tempat-tempat tertentu di dalam rumah dengan maksud dan kepercayaan bahawa tangkal tersebut akan dapat melindungi diri dan harta benda daripada gangguan syaitan, jin atau makhluk halus. Manakala azimat ialah sebarang benda atau objek yang terdiri daripada tulisan yang ditulis pada kertas, kain, dan sebagainya yang dipercayai dapat mencegah daripada terjadinya musibah ke atas diri, keluarga dan harta benda. Pengamal juga meyakini azimat memiliki suatu sumber kekuatan ghaib. Hal ini dijelaskan oleh Malik Faisal (2010: 399):

Azimat adalah benda mengandungi bentuk dan tulisan yang jelas mensyirikkan Allah serta menghina ayat al-Qur'an. Azimat terdiri dari pelbagai bentuk. Ada yang berbentuk tulisan di atas kertas, kain dan kulit binatang...

Tegasnya, terdapat pelbagai jenis ‘pendinding’ yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu sama ada terdiri daripada potongan ayat-ayat al-Quran, menggantung atau menyimpan imej sesuatu atau seseorang yang dianggap warak, atau berupa suatu objek seperti azimat dan tangkal yang telah dijambi oleh bomoh. Amalan ini masih lagi dipegang oleh sesetengah masyarakat Melayu yang beragama Islam kerana kejahilan atau kurangnya kefahaman mereka tentang ilmu agama selain kerapuhan iman dan terpedaya dengan pujukan hawa nafsu. Di samping itu, masyarakat Melayu amat berpegang

teguh dengan kepercayaan yang telah diwarisi daripada nenek moyang mereka dan berasa amalan ini perlu diteruskan bagi mengambil berkat selain mempercayai keberlangsungan tradisi ‘pendinding’ akan dapat memelihara diri dan keluarga daripada beberapa faktor tertentu. Firman Allah s.w.t. dalam *Surah al-Isrā'*, ayat 82:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ
وَلَا يَزِدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Tafsirnya:

Dan kami turunkan daripada Al-Qur'an (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman, sedangkan bagi orang yang zalim (Al-Qur'an itu) hanya akan menambah kerugian (al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani & Terjemahannya 2012: 290).

Berdasarkan firman di atas, jelaslah bahawa di dalam al-Quran mengandungi segala macam penawar dan rahmat termasuklah ‘pendinding’ bagi mereka yang beriman. Manfaat ayat suci al-Quran inilah yang harus sentiasa diamalkan bagi melindungi diri daripada bahaya dan kejahatan. Namun begitu kebanyakan masyarakat Islam, khususnya bangsa Melayu sering pula menyalahgunakan penggunaan ayat-ayat al-Quran dengan menulisnya pada sesuatu objek tertentu atau membacakan pada benda semacam tangkal lalu timbul kepercayaan berasa diri dilindungi oleh objek atau tangkal tersebut.

‘Pendinding’ Rumah bagi Masyarakat Melayu Brunei

Kebanyakan amalan ‘pendinding’ di Brunei dilakukan sendiri oleh pemilik rumah dengan menjemput bomoh atau ‘orang tua yang pemandai’ bagi mengetuai upacara dan bacaan agar menjadi lebih berkesan. Malahan ada juga yang meminta azimat atau tangkal untuk diletakkan di dalam rumah. Menurut Informan A, amalan ‘pendinding’ rumah yang biasa dilakukan di kalangan masyarakat Melayu Brunei adalah dengan menabur *sira*¹ kasar yang sudah dijampi dengan mantera dan ayat-ayat al-Quran (Sila lihat lampiran 1). Antara amalan ‘pendinding’ yang pernah dilakukan oleh informan semasa berpindah masuk ke rumah baru adalah dengan mengelilingi rumah tersebut sebanyak tujuh pusingan sambil membaca ayat Qursi sebanyak tujuh kali, iaitu satu ayat Qursi bagi setiap pusingan. Kemudian menyiram empat penjuru rumah dengan air yang telah dijampi oleh bomoh dan direndam di dalamnya kepingan kertas

yang telah ditulis dengan bacaan-bacaan tertentu (Sila lihat lampiran 2). Informan turut diberi sejenis tangkal berisi kunyit yang telah dijampi dan dibungkus dengan kain putih untuk menjadi azimat menjaga rumah daripada gangguan makhluk halus (Sila lihat lampiran 6). Selain itu, Allahyarham suami informan juga telah menulis dua salinan ayat Qursi lalu menyimpannya, satu di atas *angkap*² rumah dan satu lagi disimen di bawah lantai rumah. Perbuatan menanam kepingan kertas yang tertulis ayat Qursi di bawah rumah ini telah dipersoalkan namun informan menyatakan ke semua itu dilakukan hanyalah semata-mata untuk menjaga rumah daripada pelbagai gangguan. Amalan-amalan sebegini dipercayai mampu ‘memagari’ rumah daripada pelbagai unsur jahat seperti gangguan jin, makhluk halus, syaitan, sihir dan seterusnya menghindari rumah daripada dimasuki oleh pencuri atau sesiapa sahaja yang berniat jahat.

Manakala Informan B pula menyatakan, rumah beliau telah dipasang dengan ‘pendinding’ ekor pari yang dilekatkan di atas pintu masuk utama rumah (Sila lihat lampiran 3). ‘Pendinding’ ini merupakan suatu amalan yang diwarisi turun temurun daripada nenek moyang informan dan berasa ia perlu diteruskan bagi mengambil *sukut*³. Mengikut kepercayaan, bisa yang terdapat pada ekor pari tersebut akan menyengat sesiapa sahaja yang mempunyai niat jahat terhadap pemilik rumah yang mengamalkan ‘pendinding’ jenis ini. Selain itu, semasa hendak berpindah rumah, suami informan sendiri turut mempraktikkan ‘pendinding’ *sira* kasar yang telah dijampi lalu ditabur di sekeliling rumah pada malam Jumaat dan kemudian dibiarkan bermalam selama tujuh malam sebelum dibersihkan. *Sira* tersebut telah dijampi oleh seorang bomoh dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan beberapa mantera khusus. Informan B turut mempercayai bahawa amalan menabur *sira* kasar ini mampu menghalau keluar makhluk halus yang berada di dalam rumah. Selain itu, informan juga menggantung gambar Syarif Kedah dan para alim ulama (wali-wali) yang dipercayai membawa keberkatan dan mampu melindungi rumah (Sila lihat lampiran 4). Gambar-gambar tersebut digantung bersama bingkai pada dinding rumah berhampiran pintu masuk utama. Menurut beliau lagi, semasa kecil, gambar Syarif Kedah dan Wali Songo terdapat pada hampir keseluruhan rumah di kawasan Kampong Ayer, Brunei kerana masyarakat ketika itu mempercayai kewarakan mereka sebagai wali Allah akan mampu melindungi rumah dan seterusnya berperanan sebagai ‘pendinding’. Namun kini,

amalan tersebut sudah tidak begitu dipercayai lagi. Selain itu, Informan B turut melihatkan beberapa keping azimat – terdiri daripada potongan ayat-ayat tulisan Jawi yang kurang jelas maksudnya – dilekat pada dinding rumah bagi menghalang unsur-unsur jahat (Sila lihat lampiran 5).

Seterusnya perolehan data mengenai budaya, amalan dan kepercayaan masyarakat Melayu Kedayan di Brunei yang diperoleh dari Bahagian Penyelidikan, Pusat Sejarah Brunei. Di dalamnya menyatakan temu bual telah dilakukan bersama seorang informan yang giat menjalankan aktiviti perbomohan seperti menggunakan tangkal dan jampi serapah. Amalan ini merupakan antara budaya dan kepercayaan yang masih giat berjalan di Brunei dan belum dapat dihapuskan secara keseluruhan, lebih-lebih lagi terhadap golongan tua dan masyarakat Melayu Islam yang tinggal di kawasan pedalaman. Apabila cuba diselidiki apakah antara bacaan yang diamalkan, data menunjukkan informan tidak mahu memberikan kerjasama dan enggan menjelaskan dengan lebih lanjut lagi kerana khuatir akan hilang *pemandai*⁴ dan bacaan tidak lagi *mengasi*⁵. Jelaslah di sini amalan menggunakan tangkal dan jampi serapah ini bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana jika bacaan yang diamalkan itu adalah ayat-ayat al-Quran sudah tentunya akan dinyatakan dengan jelas tanpa memberikan alasan. Perbuatan berselindung dan mempercayai jika diberitahu bacaan yang digunakan maka akan hilang *pemandai*, seterusnya tangkal menjadi kurang mujarab dan berkesan ini adalah perbuatan syirik yang jelas kerana secara tidak langsung pengamal mempercayai suatu kuasa lain telah membantunya selain daripada Allah s.w.t. Pada dasarnya, memang bomoh atau dukun akan meminta pertolongan daripada jin dan perbuatan meminta sesuatu selain daripada Allah s.w.t merupakan suatu kemusyrikan yang amat nyata. Firman Allah s.w.t dalam *Surah al-Jin*, ayat 6:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنْسَانِ يَعْوِذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَرَأُوهُمْ رَهْقًا ﴿٦﴾

Tafsirnya:

Dan sesungguhnya ada beberapa orang lelaki dari kalangan manusia yang meminta perlindungan kepada beberapa lelaki dari jin, tetapi mereka (jin) menjadikan mereka (manusia) bertambah sesat.⁶

Apabila seseorang itu mengamalkan ‘pendinding’ rumah, sudah tentunya akan timbul persoalan di hati, apakah yang dipercayai memelihara mereka daripada gangguan dan bahaya? Kedua-dua

informan yang ditemu bual berasa yakin dan percaya bahawa *sira* kasar, gambar alim ulama, azimat dan tangkal, serta ekor pari tersebut memainkan peranan penting dalam menjaga rumah mereka daripada gangguan makhluk halus, jin, iblis dan apa sahaja unsur jahat. Malahan kedua-dua informan menyatakan jika setakat menggunakan bacaan ayat-ayat al-Quran, ‘pendinding’ tersebut tidak akan berkesan. Di sinilah timbul tipu daya syaitan yang seringkali berusaha menyesatkan manusia dengan syirik *khafi*. Kepercayaan terhadap benda-benda seperti tangkal dan objek yang sudah dijampi tadi lebih kuat berbanding kepercayaan terhadap bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an. Perkara seperti ini seharusnya tidak berlaku dan sebagai seorang muslim hendaklah segera memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Anas bin Malik Radiallahu 'Anhu berkata, bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, maksudnya:

Wahai anak Adam, selagi engkau meminta dan berharap kepada-Ku maka Aku mengampuni segala dosamu yang telah lalu, dan Aku tidak akan mempedulikannya. Wahai anak Adam, jika dosamu sampai setinggi langit lalu engkau minta ampun kepada-Ku nescaya Ku ampuni. Wahai anak Adam, jika engkau datang kepada-Ku tanpa menyekutukan sesuatu pun dengan-Ku, nescaya Aku datang padamu dengan ampunan seluas bumi pula.⁷

(Riwayat al-Tirmizi)

Kejahilan golongan yang mempercayai ‘pendinding’ rumah berupa tangkal dan objek tertentu mampu memberi perlindungan adalah amat bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru di Negara Brunei Darussalam, Bahagian Kawalan Aqidah, Jabatan Hal Ehwal Syar‘iah dengan kerjasama Pusat Da’wah Islamiah merupakan dua agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengawal dan memulihkan penyelewengan akidah. Antara usaha yang giat dijalankan adalah dengan memberikan kursus, ceramah dan mengadakan pameran bagi membuka minda masyarakat Melayu yang masih mengamalkan beberapa amalan syirik *khafi* dan khurafat misalnya ‘pendinding’ rumah. Usaha ini merupakan antara inisiatif yang berjalan secara berterusan bagi memelihara kesucian agama Islam dan sebagai dakwah kepada masyarakat agar terpelihara daripada perbuatan yang menyesatkan.

KONSEP ‘PENDINDING’ MENURUT AJARAN ISLAM

Dalam Islam pula, ‘pendinding’ merupakan suatu konsep memelihara diri dengan mengamalkan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam *Surah al-Nahl*, ayat 98-99:

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْءَانَ فَاسْتَعْدُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾
إِنَّمَا لَيْسَ لَهُ سُلْطَنٌ عَلَى الَّذِينَ ءامَنُوا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٩٩﴾

Tafsirnya:

*Maka apabila engkau (Muhammad) hendak membaca Al-Qur'an, mohonlah perlindungan kepada Allah dari syaitan yang terkutuk. Sesungguhnya, syaitan itu tidak akan berpengaruh terhadap orang yang beriman dan bertawakal kepada Tuhan.*⁸

Firman ini merupakan panduan kepada umat Islam agar berterusan memohon perlindungan daripada gangguan dan hasutan syaitan melalui pembacaan al-Qur'an. Perlu juga diingat bahawa tujuan al-Qur'an diturunkan bukanlah semata-mata untuk dijadikan azimat atau hanya disimpan sebagai perhiasan di dalam rumah. Akan tetapi al-Qur'an diturunkan untuk dibaca, difahami, diambil iktibar dan dijadikan pedoman serta amalan dalam kehidupan sehari-hari. Al-Qur'an juga merupakan penawar bagi segala macam penyakit. Hal ini dijelaskan melalui firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam *Surah Yūnus*, ayat 57:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَّوْعِظَةٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِّمَا
فِي الْأَصْدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Tafsirnya:

*Wahai manusia! Sesungguhnya, telah datang kepadamu pelajaran (Al-Qur'an) dari Tuhanmu, penyembuh bagi penyakit yang ada dalam dada, dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman.*⁹

Sekiranya amalan ini dipraktikkan bersungguh-sungguh dengan menyerahkan diri dan mengharap kepada perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata dengan penuh keyakinan, nescaya akan sentiasa terpelihara daripada kemudharatan dan kejahatan serta menjadi ‘pendinding’ diri yang lebih mustajab. Daripada Ibnu Mas'ud Radiallahu 'Anhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya,

Dua ayat dari akhir surah al-Baqarah, sesiapa yang membacanya maka cukuplah baginya daripada mengadakan qiamullail (atau kedua-duanya akan menjaganya dari segala kejahatan dan perkara-perkara yang tidak disukai).

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Melalui Hadis ini, jelaslah Islam memang menggalakkan amalan ‘pendinding’ bagi melindungi diri, iaitu dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur'an misalnya ayat Qursi dalam *Surah al-Baqarah*. Sebaliknya, agama Islam amat melarang penggunaan tangkal meskipun ditulis dengan ayat-ayat al-Qur'an kerana dibimbangi pemikiran dan kepercayaan lebih terarah kepada tangkal daripada mempercayai kekuasaan Allah. Ini adalah bagi memelihara kesucian ayat al-Qur'an tersebut dan mengelakkan daripada dicemari misalnya terbawa masuk ke dalam tandas dan sebagainya.

Selain itu, untuk membulatkan keyakinan dan keimanan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala bersifat Maha Pelindung kepada manusia daripada segala bahaya dan malapetaka. Sehubungan itu, bagi mengelak kesucian ayat-ayat al-Qur'an daripada tercemar adalah lebih afdal menghafalnya dan mengamalkan doa-doa khusus serta memohon kepada Allah agar dihindari daripada berlaku sesuatu yang tidak diingini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam *Surah al-Mujādilah*, ayat 19:

أَسْتَخْوِذُ عَلَيْهِمُ الْشَّيْطَنُ فَأَنْسَهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ
أُولَئِكَ حَزْبُ الْشَّيْطَنِ إِلَّا إِنَّ حَزْبَ الشَّيْطَنِ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١٩﴾

Tafsirnya:

*Syaitan telah menguasai mereka, lalu menjadikan mereka lupa mengingat Allah; mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah, bahawa golongan syaitan itulah golongan yang rugi.*¹⁰

Disebabkan syaitan tidak pernah serik berusaha menyesatkan manusia, maka sebagai umat Islam hendaklah konsisten dalam memelihara keimanan dan sentiasa meningkatkannya agar tidak mudah terpengaruh dengan amalan-amalan yang boleh membawa kepada syirik selain berusaha menjauhkan diri daripada terjebak dengan amalan khurafat, termasuk percaya kepada bomoh yang kononnya dapat membantu menghalau jin dan syaitan. Kesemua ini hendaklah dihindari kerana pada kebiasaannya, ilmu perbomohan akan mempraktikkan amalan seperti khurafat dan syirik padahal telah diketahui sebesar-besarnya dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah s.w.t adalah dosa syirik.

KESIMPULAN

Tegasnya, amalan ‘pendinding’ ini tidaklah dilarang sama sekali dalam Islam, bahkan dalam al-Quran telah jelas menggalakkan penggunaan ayat-ayat tertentu bagi melindungi diri. Walau bagaimanapun, kebanyakannya amalan ‘pendinding’ rumah yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Brunei adalah bercanggah dengan ajaran agama Islam kerana tanpa disedari telah menimbulkan syirik *khafi* berikutan iktikad dan kepercayaan terhadap benda-benda tersebut. Isu yang timbul dalam amalan ‘pendinding’ rumah ini bukanlah mengenai kesalahan mengamalkannya akan tetapi kaedah yang diterapkan dan kepercayaan yang terpesong daripada meyakini kuasa selain Allah s.w.t. Oleh yang demikian, mananya orang Islam yang terlibat dengan perkara syirik atau khurafat, menggunakan azimat, tangkal atau ‘pendinding’, dan mengamalkan jampi serapah yang bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam adalah wajib segera bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah s.w.t.

NOTA

- ¹ Garam.
- ² Bahagian atas alang yang berlantai untuk menyimpan barang dan lain-lain.
- ³ (Mengambil) berkat atau sempena daripada seseorang yang warak, masa yang baik, dan lain-lain sebelum memulakan sesuatu pekerjaan.
- ⁴ Pandai atau mahir melakukan sesuatu; memiliki ilmu batin.
- ⁵ Berkesan (tentang perubatan dan sebagainya).
- ⁶ *al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani & Terjemahannya*, 2012, h. 572.
- ⁷ Zahazan Mohamed & Muhammad Zakaria (pnyt.) *Hadis 40 Imam Nawawi*. Telaga Biru, Kuala Lumpur, 2011, h. 206.
- ⁸ *al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani & Terjemahannya*, 2012, h. 278.
- ⁹ *al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani & Terjemahannya*, 2012, h. 215.
- ¹⁰ *al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani & Terjemahannya*, 2012, h. 544.

RUJUKAN

- al-Qur'anul Kareem Rasm Uthmani & Terjemahannya*. 2012. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin. 1994. *Penyelewengan dari Dasar Akidah Ahli Sunnah Pada Masa Sekarang dan Saranan-saranan Mengatasinya*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib. 2013. *Penyelewengan akidah di Negara Brunei Darussalam: Pengawalan dan*

pemulihan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan ‘Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama’ah’. Hotel Centrepoint, Gadong. 9-10 September.

Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua. 2007. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Low Kok On. 2010. *Tradisi Lisan Keramat: Tunku Syarif Kedah di Pulau Labuan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Mahmud Saedon bin Awang Othman, Awang Haji & Awang Norarfah bin Haji Zainal. 2002. *Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.

Malik Faisal. 2010. *Jampi Jelmaan al-Qur'an dan Hadis: Membongkar Rahsia Alam Jin dan Sihir*. Kuala Lumpur: PTS Publications Sdn. Bhd.

Mohd. Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PS/PY/SL/0261-93 (R 01-09). Kaset rakaman temu bual Bengkel Budaya Puak Kedayan di Brunei. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Yuli Ayatul Nugus binti Haji Kamis@Momin. 2012. Tokoh legenda keramat: Syarif Kedah di Brunei dan Tunku Syarif Kedah di Labuan. Latihan Penyelidikan Ijazah Sarjana Kesusastraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

Zahazan Mohamed & Muhammad Zakaria. (Pnys.). 2011. *Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Lampiran 1



Sira kasar yang telah dibacakan doa dan jampi untuk ditabur di sekeliling rumah

Lampiran 2



Botol berisi air yang mengandungi kertas jampi untuk disiram di empat penjuru rumah sebelum didiami

Lampiran 3




Sejenis tangkal berupa ekor pari yang disimpan di atas pintu masuk utama sebagai ‘pendinding’ agar semua unsur jahat tidak dapat menembusi ke dalam rumah

Lampiran 4




Gambar Syarif Kedah dan para alim ulama (wali-wali) yang menjadi ‘pendinding’ rumah kerana dipercayai membawa berkat

Lampiran 5



Beberapa contoh ayat yang kurang jelas maksudnya turut dijadikan azimat dan ‘pendinding’ rumah

Lampiran 6



Azimat berisi kunyit yang telah dijampi dan dibungkus oleh
'orang tua pemandai' untuk menjadi 'pendinding' rumah
daripada gangguan makhluk halus

*Nor Rafidah Hj Mokhtar
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: idah609@hotmail.com*

*Mohd Nizam Sahad, Ph.D.
Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: nizamsahad@usm.my*

